

Tahunan (Bounti)

ini dibayar kepada anggota-anggota yang layak keaktifan menghadiri latihan dalam satu tahun.

dar Bounti	Kadar Saguhati	Syarat Kelayakan
iga Suku (3/4)	RM 520.00 RM 390.00	Menghadiri Latihan 380 jam Menghadiri Latihan di antara 240 jam dan 379 jam
eparuh (1/2)	RM 260.00	Menghadiri Latihan di antara 120 jam dan 239 jam

PENGIKTIRAFAN TERHADAP ASKAR WATANIAH

peranan AW yang turut menyumbang kepada gagasan serta pertahanan negara. Kerajaan-Kerajaan Negeri telah kan Jawatkuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) nyelaraskan aktiviti dan memantau perkembangan AW. turut memberikan pengiktirafan dengan menganak Rejimen-Rejimen Siri 500 (AW) di negeri masing-masing.



NTUK KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNG:

Markas Tentera Darat
Bahagian Pasukan Simpanan,
Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR

Tel: 03-20712306/2283/6248/5679

Faks: 03-26989235

Laman Web:
http://army.mod.gov.my/web_kor/raw/index.html

Email: mktb_bps@yahoo.com

BAGAIMANA UNTUK MENYERTAI ASKAR WATANIAH

Untuk menyertai Askar Wataniah, anda perlu memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan dan hubungi atau terus melapor ke pasukan-pasukan Askar Wataniah yang berhampiran di tempat anda. Lokasi-lokasi yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

Rejimen 501 (AW)
Kem Tebrau,
80990, Johor Bharu, Johor
(07-3541088)

Rejimen 502 (AW)
Kem Sungai Buloh
47000 Sungai Buloh,
Selangor
(03-61565688)

Rejimen 505 (AW)
Kem Force 136
26600 PEKAN
Pahang
(09 - 422 1104)

Rejimen 506 (AW)
Kem Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu,
kelantan
(09-7753400)

Rejimen 507 (AW)
Kem Bukit Perwira, P.O Box
11608,
88817 Kota Kinabalu,
Sabah
(088-212620/628)

Rejimen 508 (AW)
Kem Jalan Rasah,
70300 Seremban,
N.Sembilan
(06-7623411)

Rejimen 509 (AW)
15 Lebuh Raya Peel,
10350 Pulau Pinang
(04-2279102)

Rejimen 510 (AW)
Kem Sri Rejang,
96000 Sibu, Sarawak
(084-333933)

Rejimen 503 (AW)
No 18, Jalan Raja Di hilir,
30350, Ipoh, Perak
(05-2549342)

Rejimen 504 (AW)
Kem Bukit Keteri,
02450 Kangar, Perlis
(04-9382024)

Rejimen 511 (AW)
Kem Ria Kompleks,
93677 Kuching, Sarawak
(082-621300)

Rejimen 512 (AW)
Kem Padang Midin,
21400 Kuala Terengganu
(09-6229644)

Rejimen 513 (AW)
Kem Bukit Pinang,
06200 Kepala Batas,
Alor Setar, Kedah
(04-7144016)


Rejimen 514 (AW)
Kem Bukit Beruang,
75450 Melaka
(06-2332123/2130)

Rejimen 515 (AW)
Jln Buku Lima,
54000 Kuala Lumpur
(03-22643571)

Rejimen 516 (AW)
Kem Kukusan,
91000 Tawau Sabah
(089-772111)

ASKAR WATANIAH

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



KONSEP DAN JENIS-JENIS LATIHAN

Konsep latihan yang dilaksanakan adalah berteraskan kepada latihan asas ketenteraan untuk menyediakan anggota dan pasukan yang mampu bergandingan dengan pasukan tetap sekiranya diperlukan. Latihan-latihan AW dilaksanakan mengikut kemampuan dan bersesuaian masa seperti hujung minggu.

Kursus Asas Perajurit Muda

Setiap anggota Askar Wataniah perlu mengikuti Kursus Asas Perajurit Muda selama 30 hari berterusan bagi melayakkan mereka diiktiraf sebagai Pbt.

Latihan Tempatan

Latihan dijalankan pada masa yang bersesuaian terutama pada cuti hujung minggu. Latihan dilaksanakan dalam tempoh 2 hingga 12 jam sehari.

Latihan Berterusan

Latihan ini dijalankan secara berterusan tidak kurang daripada 72 jam dan tidak melebihi 14 hari oleh setiap individu dalam setahun.

Latihan Kem Tahunan

Latihan ini merupakan kemuncak siri latihan AW. Dilaksanakan secara berkelompok dengan mengaplikasikan kemahiran ilmu medan, perang, taktik, pengendalian senjata dan latihan rejimental. Latihan dijalankan pada hujung tahun secara berterusan selama 15 hari.

Latihan Anggota Pakar

Anggota Pakar hanya perlu mengikuti latihan Kem Tahunan selama 14 hari setahun.

PERKEMBANGAN KERJAYA

Peningkatan Pangkat

Anggota Sukarela berpeluang dinaikkan pangkat dengan syarat menghadiri kursus-kursus tertentu. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kursus Kerjaya

Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah untuk memantapkan lagi ilmu ketenteraan serta mendedahkan individu kepada sifat-sifat kepimpinan dan 'command and control'. Kursus ini perlu dihadiri untuk peningkatan pangkat seterusnya. Kursus ini dianjurkan di Pusat Latihan Askar Wataniah (PUSWATAN) Ipoh.

Kursus Fungsional (Sampingan)

Kursus ini dilaksanakan bagi memberi peluang kepada individu-individu untuk memperolehi kemahiran tertentu yang ada didalam bidang ketenteraan. Kursus ini akan dianjurkan oleh pasukan-pasukan yang terpilih sahaja.

Pentauliahan

Anggota yang mempunyai kelayakan akademik serta memenuhi syarat yang ditetapkan berpeluang ditauliahkan sebagai pegawai.

FAEDAH YANG DIPEROLEHI

Apakah yang anda perolehi apabila menyertai Askar Wataniah?

- Berjasa dengan menyumbang kepada pertahanan negara.
- Mengisi masa luang dari terbiar sekiranya tidak menyertai sebarang aktiviti kumpulan sosial.
- Mempelajari kepentingan dalam pasukan Askar Wataniah yang dipilih.
- Membina dan membangunkan perwatakan tanpa mengeluarkan wang ringgit.
- Menambah kenalan / sahabat dari pelbagai lapisan masyarakat.
- Berpeluang melawat / menghadiri latihan di pusat latihan dan pasukan-pasukan di seluruh negara.
- Elaun semasa latihan hujung minggu dan gaji bagi latihan melebihi 72 jam dan Kem tahunan.
- Bounti / saguhati tahunan.
- Kemudahan rawatan hospital (apabila menghadiri latihan).
- Elaun perjalanan ke tempat latihan.
- Cuti tanpa rekod bagi menyertai latihan selama 30 hari dalam satu tahun (bagi kakitangan kerajaan sahaja).
- Berpeluang untuk diberikan sepenuh masa bagi mengisi perjawatan tetap dalam korporat berkaitan bagi mereka yang layak.

Imbauhan Elaun

Setiap Anggota Sukarela berhak menikmati elaun-elaun yang disediakan apabila berkhidmat dalam Askar Wataniah. Jenis-jenis elaun adalah seperti berikut:

Elaun Latihan Tempatan

Elaun ini dibayar mengikut jumlah jam latihan yang dihadiri. Kadar yang dibayar untuk satu jam adalah RM7.80 bagi pegawai dan RM 6.00 bagi LLP.

Elaun Latihan Berterusan dan Kem Tahunan

Elaun ini dibayar berdasarkan jumlah hari latihan yang dihadiri. Pengiraan elaun adalah berdasarkan kepada gaji pokok anggota tetap (Gaji PTJ + Elaun Khidmat Awam) mengikut pangkat yang disandang.

Elaun Perjalanan

Elaun ini dibayar kepada anggota yang menggunakan kenderaan sendiri atau pengangkutan awam untuk menghadiri latihan. Pengiraan dibuat berdasarkan jarak (km) dari alamat kediaman ke pasukan masing-masing.

Elaun Pakaian

Elaun ini dikeluarkan untuk pegawai sahaja. Jenis-jenis elaun yang disediakan adalah seperti berikut:

- Pakaian Seragam (RM 400.00) - selepas pentauliahan.
- Senggara Pakaian Seragam (RM250.00) - setiap tahun.
- Pakaian Istiadat (RM1500.00) - setiap 5 tahun.



penubuhan sama seperti Armor di mana satu Bateri Artilleri (AW) asikan dalam Rejimen Artilleri Diraja bertempat di Kota Bharu, Melaka, Seremban dan Kuala Lumpur.

mempunyai sebuah unit iaitu 12 Kompeni Perisikan Div (AW) integrasikan ke batalion KRD (Tetap). Unit ini terdapat di Sungai

Tentera Diraja telah menubuhkan empat Kompeni KPTD (AW) Pulau Pinang, Kuantan, Sungai Petani dan Kuching.

Elemen Bantuan Perkhidmatan

Khidmatan

di lima Kompeni Angkut (AW), Satu Kompeni Bekalan dan Platoon Udara (AW). Lokasi unit-unit adalah di Seremban, Kuala Lumpur manakala Platoon Hantaran Udara di Taiping.

Inans

di satu Kompeni Ordnans Briged (KOB AW) bertempat di Kuala Lumpur dan terdapat unit KOB (AW) diwujudkan dengan asikan kepada unit tetap di Kuching, Taiping, Melaka dan n.

Jentera Letrik dan Jentera

di dua workshop JLJ (AW) iaitu di Ipoh dan Kuala Lumpur serta empat Workshop Medan (AW) bertempat di Taiping, Kuantan dan Kuching.

Rahmatan

di empat Kompeni Ubat (AW) bertempat di Kuantan, Kluang, Petani dan Kuching.

Elemen Pakar

Elemen pakar yang terdapat dalam AW terdiri daripada dua kor iaitu Kor Semboyan dan Kor Jurutera.

Rejimen Pakar dalam Kor Semboyan diangotai oleh individu yang bertugas dengan Syarikat Telekomunikasi. Unit-unit Rejimen Pakar Semboyan adalah seperti berikut:

- 15 Skuadron Semboyan DiRaja (AW) - Kuala Lumpur.
- 16 Skuadron Semboyan DiRaja (AW) - Kuantan.
- 17 Skuadron Semboyan DiRaja (AW) - Taiping.
- 18 Skuadron Semboyan DiRaja (AW) - Kuching.

Kesemua pasukan ini di bawah pentadbiran Rejimen Semboyan DiRaja Pakar Telekom, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

Rejimen Pakar yang terdapat dalam Kor Jurutera adalah seperti berikut:

- Rejimen Jurutera Pakar Pengendalian Pelabuhan (40 RAJD Pakar AW). Unit-unit ini ditubuhkan di pelabuhan-pelabuhan utama negara. Keanggotaan terdiri daripada kakitangan pekerja perlubahan Kuantan, Klang, Pulau Pinang, Bintulu dan Kuching.
- Rejimen Jurutera Pakar Pengendalian Keretapi (50 RAJD Pakar AW). Unit ini bertanggungjawab bagi menyelenggara KTMB semasa darurat. Keanggotaan unit ini adalah kakitangan KTMB.
- Rejimen Jurutera Pakar Pengendalian Air (60 RAJD Pakar AW). Unit ini khusus untuk dianggotai oleh pekerja Bekalan Air.
- Rejimen Jurutera Pakar Pengendalian Janakuasa (70 RAJD Pakar AW). Unit ini khusus untuk dianggotai pekerja Tenaga Nasional Berhad.

Kesemua rejimen ini di bawah pentadbiran Markas Rejimen Askar Jurutera DiRaja Senggara Perhubungan, Kem Bukit Haigate, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.



Elemen Pakar

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)

Objektif penubuhan PALAPES adalah untuk melahirkan pegawai-pegawai lepasan IPTA yang terlatih dalam ilmu ketenteraan sebagai sumber tenaga bagi Angkatan Tetap dan Simpanan. IPTA yang mempunyai unit PALAPES adalah seperti berikut:

- | | | | |
|--------|-------|----------|--------|
| - UM | - USM | - UNIMAS | - USIM |
| - UKM | - UTM | - UPSI | - UMP |
| - UPM | - UUM | - UTHM | |
| - UITM | - UMS | - UNIMAP | |

Pasukan AW Kerahan (Mobilisasi)

Untuk menampung keperluan anggota dalam mengawasi keselamatan negara, terdapat pasukan AW yang dikerah sepenuh masa bagi menjaga keselamatan kawasan-kawasan strategik negara. Pasukan tersebut ialah **Pusat Kawalan Sasaran Penting**.

Pusat Kawalan Sasaran Penting

Unit Sasaran Penting diwujudkan di tempat strategik negara dan terletak di bawah pentadbiran Markas Pemerintahan Briged. Briged yang mempunyai Pusat Kawalan Sasaran Penting ialah:

- | | | |
|------------|------------|-------------|
| - 1 Briged | - 3 Briged | - 6 Briged |
| - 7 Briged | - 8 Briged | - 11 Briged |

Syarat-Syarat Penyertaan

Individu yang ingin berkhidmat dalam AW mesti memenuhi syarat-syarat asas seperti berikut:

- Warganegara Malaysia.
- Berumur antara 18 hingga 45 tahun.
- Sihat tubuh badan (Disahkan oleh Doktor Tentera)
- Kelulusan akademik sekurang-kurang Sijil Pelajaran Malaysia.
- Penerimaan tertakluk kepada keputusan tapisan keselamatan (tiada kes jenayah).

PENGENALAN

Askar Wataniah (AW) merupakan salah satu pasukan dalam Angkatan Sukarela Persekutuan yang berfungsi sebagai Pasukan Simpanan Tentera Darat. Terdapat pelbagai rej dan kor dalam Askar Wataniah yang mempunyai peranan dan tugas tersendiri. Pasukan-pasukan Askar Wataniah diletakkan dibawah pentadbiran briged setempat dan di bawah kawalan teknikal Bahagian Pasukan Simpanan (BPS).

SEJARAH

Pasukan sukarela telah pun wujud di Tanah Melayu sejak tahun 1861 dengan penubuhan pasukan sukarela yang dinamakan 'Penang Volunteer'. Pada tahun 1902, Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS) yang terdiri daripada Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah mula menubuhkan unit sukarelanya yang dikenali sebagai 'Malay State Volunteer Rifles' (MSVR). Pasukan sukarela tersebut terus berkembang dan beberapa pasukan baru telah ditubuhkan dengan gelaran 'Federated Malay States Volunteer Force' (FMSVF), 'Unfederated Malay States Volunteer Force' (UFMSVF) dan 'Straits Settlement Volunteer Force' (SSVF). Apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua, semua pasukan sukarela yang wujud telah sama-sama berganding bahu dengan Angkatan Tetap menentang tentera Jepun di Malaya. Selepas tamat perang dunia kedua, pasukan-pasukan sukarela ini kekal seperti sedia ada tetapi tidak ditadbirkan secara khusus. Apabila tercetus darurat di tanah air pada tahun 1948, satu pasukan sukarela iaitu Pasukan Kawalan Kampung (Home Guard) telah ditubuhkan. Pasukan Kawalan Kampung ini telah memainkan peranan penting sepanjang masa darurat tersebut.

Dalam tahun 1958, apabila keadaan keselamatan dalam negeri telah dapat dikawal semula, Pasukan Kawalan Kampung telah dibubarkan.



Memandangkan ramai dari kalangan anggota Pasukan Kawalan Kampung mahu terus menyumbang perkhidmatan sukarela mereka, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil keputusan untuk menstrukturkan semula pasukan sukarela supaya iaany lebih berkesan dan tersusun rapi. Sehubungan itu, kerajaan telah mewujudkan The Territorial Army Ordinance pada tahun 1958 sebagai panduan perkhidmatan sukarela. Dengan kuasa ordinan ini, pasukan sukarela yang baru dikenali sebagai **ASKAR WATANIAH** ditubuhkan pada 1 Jun 1958 secara rasmi.

PASUKAN-PASUKAN ASKAR WATANIAH

Askar Wataniah (AW) telah distrukturkan dalam komponen-komponen berikut:

- Elemen Tempur
- Elemen Bantuan Tempur
- Elemen Bantuan Perkhidmatan
- Elemen Pakar
- Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)

Anda berpeluang memilih mana-mana pasukan untuk berkhidmat terutama pasukan yang berdekatan dengan tempat tinggal anda.

Elemen Tempur

Rejimen Siri 500 Askar Wataniah

Elemen ini berperanan sama seperti pasukan-pasukan infantri Angkatan Tetap. Terdapat enam belas Rejimen Siri 500 (AW) di seluruh Malaysia pada ketika ini. Setiap rejimen mempunyai tiga batalion yang ditempatkan di beberapa lokasi, di mana salah satu mungkin terletak, berhampiran tempat anda.

Armor

Kor Armor Diraja telah mewujudkan Skuadron Armor (AW) yang diintegraskan dalam setiap rejimennya. Skuadron-skuadron tersebut terletak di Port Dickson, Kuantan, Sungai Petani dan Kuching.

Elemen Bantuan Tempur

Semboyan

Skuadron-skuadron Semboyan Medan (AW) telah ditubuhkan untuk mewujudkan barisan kedua pasukan pengendali komunikasi TD. Pasukan ini terdapat di Kuala Lumpur, Taiping, Kuantan dan Kuching.

Jurutera

Mewujudkan Skuadron-skuadron Jurutera (AW) dengan melatih anggota Sukarela dalam aspek kejuruteraan medan. Skuadron-skuadron ini terdapat di Kuala Terengganu, Kajang, Kluang dan Taiping.